

**TEKS UCAPAN ALUAN  
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

*di*  
**PERSIDANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI  
KAMPUS PENDIDIKAN 2012**  
*bertemakan*  
***'TRANSFORMASI PROFESIONALISME PENGURUSAN PROJEK'***

---

*4 Oktober 2012, 9.00 pagi  
Mahkota Hotel, Melaka*

1

Bismillahirrahmanirrahim

Saudara Pengacara Majlis

Y.Bhg. Dato' Mahamed bin Hussain  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
*yang mewakili Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*

Y.Bhg. Ir. Daim Saian  
Pengerusi Majlis Pengarah Pembangunan IPTA (MPP IPTA)

Y. Berusaha Encik Abdul Wahab bin Harun  
Pengarah Pejabat Pembangunan UTeM  
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur

2

Pembentang-pembentang kertas kerja

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera & Salam 1Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul di dalam majlis pada pagi ini.

***Sirih berlipat sirih pinang; Sirih dari Pulau Melaka  
Pemanis kata selamat datang; Awal bismillah pembuka kata***

Terlebih dahulu, ucapan Selamat Datang ke “Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau” diucapkan

3

kepada Y.Bhg. Dato’ Mahamed bin Hussain, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang mewakili Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ke Majlis Persidangan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Kampus Pendidikan 2012.

***Kapal dagang dari seberang, Sarat muatan kayu api  
Dari jauh tuan datang, Kami disini sedia menanti***

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Pengarah Pembangunan IPTA kerana memberi kepercayaan kepada UTeM untuk menjadi tuan rumah Persidangan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Kampus 2012 serta menerajui penganjuran bersama Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

4

3. Pembangunan dan pengurusan fasiliti merupakan satu aspek yang memainkan peranan penting di dalam pembangunan sesebuah agensi di mana ia menyokong dan menyumbang kepada pencapaian objektif dan strategi agensi untuk memastikan segala operasi berfungsi secara efektif. Seperti sedia dimaklumi, tema Persidangan yang diadakan hari ini adalah **Transformasi Profesionalisme Pengurusan Projek**. Perkataan *transformasi* bermaksud perubahan yang menghasilkan anjakan manakala *profesionalisme* pula bermaksud perkara berkaitan kepakaran. “Adakah perlu ada perubahan profesionalisme dalam pengurusan projek” - persoalan inilah yang bakal di rungkai daripada wacana keilmuan menerusi Persidangan yang dianjurkan ini. **Tajuk-tajuk kertas kerja** yang akan dibentangkan merangkumi aspek-aspek akauntabiliti, integriti penggunaan teknologi di dalam pengurusan projek, pengauditan projek termasuklah implikasi perundangan dalam pengurusan

5

kontrak. **Peserta-peserta** Persidangan pula adalah dari kalangan konsultan, kontraktor serta pegawai-pegawai kerajaan yang mana kesemuanya adalah terlibat secara langsung di dalam pengurusan projek.

Hadirin sekalian,

4. Suka saya berkongsi sedikit maklumat berkaitan pembangunan fizikal UTeM dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar. Secara keseluruhannya, hampir kesemua komponen utama pembangunan di Kampus Induk UTeM telah siap dibangunkan dalam tempoh **RMKe-8 dan RMKe-9** seperti Bangunan Canselori, Perpustakaan, Masjid, Bangunan-bangunan fakulti, Pusat Bahasa, Pusat Pengajian Siswazah, Dewan Besar, Pejabat-pejabat seperti Pusat Komputer, Pejabat Pembangunan termasuklah Kompleks Sukan, Pusat Persatuan

6

Pelajar serta kafeteria staf dan pelajar. Terkini, UTeM telah menyiapkan Kolej Kediaman Pelajar berkapasiti **1,020 pelajar** di mana pembinaannya dijalankan secara PFI dengan **penempatan pertama pelajar** di Kolej Kediaman telah dilangsungkan pada 8 Ogos 2012. Komponen kemudahan yang disediakan adalah unit blok Asrama Dormitori 4 tingkat berserta Dewan Serba guna & Arked Pelajar, Kediaman Felo, gelanggang dan padang permainan. Perancangan seterusnya UTeM akan melaksanakan pembinaan Kolej Kediaman 5,000 pelajar dan akan dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*). Secara amnya permohonan ini telah diperaku oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan KPT.

5. Tanpa ilmu pengurusan projek yang baik, projek-projek seumpamanya tidak dapat disempurnakan dengan jayanya dan berkemungkinan menimbulkan masalah kepada pelbagai pihak

7

termasuk pengguna itu sendiri. Kepincangan di dalam pengurusan projek, sama ada ianya pengurusan projek oleh kontraktor, konsultan atau pun agensi pelaksana telah menyebabkan **kerugian yang besar** kepada kerajaan. Kerajaan bukan sahaja terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk memulihkan projek-projek yang terbengkalai malahan terpaksa juga menanggung kos yang tinggi yang disebabkan oleh sesuatu projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

6. Menerusi Persidangan ini dilihat sebagai platform terbaik untuk membincangkan isu-isu berbangkit yang berkaitan. Besarlah harapan saya agar perkongsian ilmu dapat dimanfaatkan oleh setiap peserta khususnya dalam mempertingkatkan kemahiran pengurusan terbaik bagi memimpin serta menginovasi ke arah konsep pembangunan **Universiti Cemerlang dan Kampus**

8

**Sejahtera** seterusnya memahami **peranan kepimpinan** dalam menangani cabaran semasa pengajian bidang tinggi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pengurusan projek yang mantap amat diperlukan bagi menjamin kejayaan pelaksanaannya. Saya juga ingin mengajak para hadirin sekalian supaya dapat bersama-sama dalam memastikan tujuan dan matlamat untuk meningkatkan tahap pengurusan projek akan tercapai. Ini sejajar dan ada kaitannya dengan aspirasi Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia sewaktu membentangkan **Bajet 2013** pada 28 September 2012 yang menyarankan khususnya kepada penjawat awam supaya **menerapkan budaya produktiviti, kreativiti dan inovasi** ketika memberi perkhidmatan yang terbaik. Amalan kerja pula mestilah **cepat, tepat dan berintegriti**. Langkah ini akan mencetuskan

9

paradigma baru dan seterusnya meningkatkan keyakinan rakyat khususnya terhadap prestasi perkhidmatan awam yang diuar-uarkan lebih efisien dan efektif serta lebih responsif.

8. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Mahamed bin Hussain, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, KPT yang mewakili Ketua Setiausaha KPT kerana sudi hadir seterusnya merasmikan Majlis Persidangan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Kampus Pendidikan 2012. Tahniah & syabas kepada pembentang-pembentang kertas kerja serta peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam Persidangan ini. Setinggi-setinggi penghargaan ditujukan buat Pejabat Pembangunan UTeM serta Jawatankuasa Penganjur yang telah menjayakan Persidangan. Semoga Persidangan pengurusan projek seumpamanya dapat dianjurkan lagi di masa yang akan datang.

10

***Jangan diukur panjangnya galah; Panjangnya amat tidak terperi  
Kalau ada silap dan salah; Kami menyusun sepuluh jari***

Wabillahitaufiqwalhidayah,  
wassalamulaikumwarrahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.